

## 1017- KEBATILAN TAREKAT BATINIAH : SATU TINJAUAN DI MALAYSIA

**KAMSANI BIN MD. SAAD**

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

kamsani@ptss.edu.my

**MOHAMAD FARIF BIN JEMILI**

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

farif.jemili@ptss.edu.my

### ABSTRAK

*Isu ajaran sesat tidak boleh dianggap ringan dan ia perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak secara bersama. Isu sebegini perlu ditangani segera dari semasa ke semasa kerana ia melibatkan akidah umat Islam. Dewasa ini muncul pelbagai fahaman Islam yang tergelincir dari pegangan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Malah terdapat di antara fahaman-fahaman yang sudah diwartakan sebagai ajaran sesat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sehubungan itu, penulis mengemukakan kertas konsep ini dengan tajuk ‘Kebatilan Tarekat Batiniah : Satu Tinjauan di Malaysia’ sebagai menjelaskan kepada masyarakat Islam agar berwaspada terhadap isu ini. Dalam masa yang sama penulis mengajak masyarakat untuk meneliti serta mengkaji penyelewengan yang berlaku dalam aliran seumpama ini yang jelas menyimpang daripada pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Selain itu, kertas konsep ini dikemukakan bagi menjelaskan bahawa fahaman yang meragukan ini pada hakikatnya sedang berselindung di sebalik label Islam dan platform institusi dakwah tertentu dengan menampilkan imej sufi dan tarekat dalam pengamalan ibadah mereka. Adalah diharapkan agar kertas konsep ini menjadi langkah permulaan bagi mencetuskan usaha kepada para pengkaji melaksanakan kajian yang lebih khusus terhadapnya. Sehubungan itu, pelbagai tindakan drastik perlu diambil oleh semua pihak bagi mencegah bentuk-bentuk ajaran tasawuf sebegini daripada tersebar dengan lebih meluas lagi. Akidah umat Islam yang berlandaskan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah perlu dipelihara dalam masa yang sama menghindar umat Islam daripada dipengaruhi oleh aliran-aliran baru yang meragukan khususnya kepada mereka yang baru berjinak-jinak dengan Islam, kerana aliran sebegini jelas memisahkan hubungan antara syariat dan hakikat.*

**Kata kunci:** Ahli Sunnah wal Jamaah, Ajaran sesat, Akidah, Tarekat Batiniah

### PENGENALAN

Islam merupakan agama suci dan mulia yang direhsti oleh Allah SWT. Ia merupakan sebesar-besarnya nikmat Allah kepada manusia yang menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Al-Quran memerintahkan umat Islam supaya taat kepada Allah, Rasul dan orang-orang yang berkuasa dari kalangan Muslim yang diangkat sebagai pemimpin (*Ulul Amri*). Namun, setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW muncul pelbagai aliran Islam yang pelbagai dari aspek tertentu melalui pemikiran, pandangan hukum serta pengamalan dalam sesuatu ibadah. Ahli Sunnah wal Jamaah merupakan kumpulan orang Islam yang berpegang teguh kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW. Aliran ini disifatkan sebagai ajaran yang benar, lurus dan selamat serat jelas dari sebarang kekeliruan. Pegangan bagi aliran ini didokong kuat oleh para ulama berdasarkan keterangan hadis yang dikeluarkan

oleh al-Tirmizi, al-Hakim dan lain-lain yang diriwayatkan dari Abdullah ibnu Amru berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan maksudnya: “*Sesungguhnya telah berpecah Bani Israel kepada tujuh puluh dua kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kelompok iaitu kesemuanya akan ke neraka kecuali satu kelompok. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab: Mereka adalah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku*”. (Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Akidah, syariat dan akhlak Islam di dalam ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah berperanan menyatupadukan umat dan menjamin keamanan serta kestabilan negara. Manakala ajaran atau fahaman yang sesat dan menyeleweng daripada pengamalan biasa masyarakat Islam di negara ini dianggap sebagai usaha merosakkan kestabilan dan keharmonian. Ajaran sesat bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap individu tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam menghadapi gelombang kekusutan dan kecelaruan ajaran sesat, kertas konsep ini dikemukakan sebagai satu wahana kepada warga Malaysia yang bertujuan memberikan pendedahan awal berkaitan bahayanya penularan doktrin ajaran sesat yang dikenali sebagai ajaran Batiniah. Adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk masyarakat Islam mengenali, memahami, menjauhi dan menghindari diri, keluarga dan masyarakat daripada terjerumus ke kancang penyelewengan akidah yang menggugat kestabilan dan kesucian agama Islam. Ini adalah kerana aktiviti ajaran sesat seumpama ini telah lama dikesan dan pengaruhnya telah meresap masuk ke dalam masyarakat Islam menerusi gerakan Sufi atau yang bertopeng di sebalik gerakan tarekat. Ajaran tersebut lazimnya bergerak secara berkumpulan dan diketuai oleh guru atau pembawa ajaran itu yang dianggap mursyid yang mempunyai martabat yang tinggi di sisi para pengikutnya. Mursyid itu adakalanya menggunakan ilmu Batiniah untuk meyakinkan para pengikutnya seperti contoh menunjukkan kekebalannya, atau mampu merawat penyakit ganjil dan sebagainya. Adalah diharapkan agar kertas konsep ini menjadi langkah permulaan bagi mencetuskan usaha kepada para pengkaji melaksanakan kajian yang lebih khusus terhadapnya. Pelbagai tindakan drastik perlu diambil oleh semua pihak bagi mencegah ajaran tasawuf sesat sebegini daripada tersebar dengan lebih meluas lagi.

## LATAR BELAKANG ISU

Istilah-istilah seperti ilmu batin, ilmu makrifat, ilmu hakikat, ilmu laduni atau ilmu kasyaf sering digunakan oleh sebahagian pengikut ajaran Sufi dan Tarekat. Dr. Idris Sulaiman (2022) menegaskan bahawa istilah-istilah berkenaan tiada asasnya di dalam al-Quran maupun al-Sunnah. Secara hakikatnya tidak wujud dalam ajaran Islam satu jenis ilmu yang dinamakan sebagai ilmu hakikat (ilmu batin) sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian ajaran tarekat sesat yang memisahkan antara ilmu syariat (ilmu zahir) dan ilmu hakikat (ilmu batin). Malah golongan ini mendakwa bahawa ilmu hakikat (ilmu batin) mampu diperolehi secara langsung daripada Allah ke atas mereka, sebagaimana kebiasaan yang mereka sering ungkapkan: “*Hatiku berbicara daripada Tuhanku.*” Jelasnya, kepercayaan seumpama ini merupakan sesuatu yang jatuh kufur dan ‘zindiq’ (terpesong dari nas syarak) berdasarkan kenyataan Imam al-Ghazali,

مَنْ قَالَ إِنَّ الْحَقِيقَةَ تُخَالِفُ الشَّرِيعَةَ أَوْ الْبَاطِنَ يُنَاقِضُ الظَّاهِرَ فَهُوَ إِلَى الْكُفْرِ أَقْرَبُ مِنْهُ إِلَى الْإِيمَانِ.

Maksudnya: “Barang siapa mengatakan ilmu hakikat berbeza dengan ilmu syariat, atau ilmu batin menyalahi ilmu zahir (syariat), maka dia lebih dekat kepada kekufuran berbanding keimanan.” (Ihya Ulum al-Din, 1/100)

Imam Al-Ghazali menegaskan bahawa ilmu hakikat tidak akan diperolehi melalui jalan biasa. Ia hanya diperolehi melalui jalan taqwa dan mujahadah dan tidak semua orang akan berjaya mendapatkannya dengan mudah.

Menerusi karya Ibnu al-Jauzi, ‘Talbis Iblis’ menyatakan bahawa Ibnu Aqil menolak pandangan yang memisahkan antara ilmu hakikat dari syariat dengan katanya:

كُلُّ مَنْ رَأَى الْحَقِيقَةَ فِي غَيْرِ الشَّرِيعَةِ فَهُدُوْغٌ مَغْرُورٌ.

Maksudnya: “Kesemua mereka yang berpendapat bahawa ilmu hakikat tidak ada dalam ilmu syariat, maka dia dari kalangan orang yang tertipu dan terpedaya.”

Malah sebahagian pengikut sufi yang telah sesat dengan tipu daya Syaitan mempercayai bahawa mereka telah dikurniakan Allah dengan ‘ilmu Laduni’ atau sebahagian yang lainnya menamakannya sebagai ‘ilmu Kasyaf’. Golongan ini menggunakan istilah ‘Laduni’ sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah dari surah al-Kahfi ayat 65,

وَعَلِمْنَا مِنْ لَذَّنَا عُلَمًا.

Maksudnya: “Dan Kami telah mengajarkannya sejenis ilmu; dari sisi Kami.”

Dalam Surah al-Kahfi mulai ayat 60 sehingga 82 Allah SWT. merakamkan kisah luar biasa yang berlaku antara Nabi Musa dan Nabi Khidir yang dikurniakan Allah dengan ilmu Laduni. Nabi Khidir telah melakukan beberapa perkara yang luar biasa seperti membocorkan kapal sehingga menenggelamkan para penumpangnya, dan peristiwa kedua beliau membunuh seorang kanak-kanak yang tidak berdosa dan yang terakhir beliau mendirikan semula sebuah tembok yang hampir runtuh tanpa mengambil sebarang upah. Perbuatan-perbuatan ganjil yang dilakukan oleh Nabi Khidir ini telah diingkari oleh Nabi Musa. Namun begitu, Nabi Khidir secara tegasnya telah menjelaskan dengan katanya “Aku tidak melakukan mengikut pilihanku (hawa nafsu) sendiri.” (Surah al-Kahfi : 82)

Kenyataan Nabi Khidir menunjukkan bahawa beliau sebenarnya adalah seorang Nabi yang tidak bertindak sendiri kecuali berpandukan kepada wahyu dan perintah Allah SWT. semata-mata. Jika diamati maksud ilmu ‘Laduni’ dalam surah al-Kahfi, secara hakikatnya ia merujuk kepada wahyu dari Allah yang dikurniakan ke atas Nabi Khidir selaku seorang Nabi Allah. Berdasarkan hujah ini, maka telah menolak sebarang dakwaan wujudnya ilmu Laduni yang dimiliki oleh sesiapa pun dari kalangan manusia selain Nabi Khidir adalah pegangan yang tidak berasas sama sekali serta menyalahi erti kesyumulan dan keumuman syariat Islam yang telah dibawa oleh baginda Nabi SAW. kepada seluruh umatnya tanpa sesiapa pun terkecuali daripada mentaatinya sehingga ke hari Kiamat.

## AJARAN BATINIAH

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), mendapati bahawa kebanyakan ajaran sesat akan berlaku dalam empat bentuk utama iaitu melalui ajaran tarekat dan kebatinan, perbomohan dan persilatan, khurafat dan tayahul, dan

penyelewengan pemikiran. Secara dasarnya dirumuskan bahawa ajaran salah dan sesat kebiasaannya ditujukan kepada penyelewangan dalam syariah dan akidah. Secara amnya bentuk ajaran sesat yang wujud di Malaysia dibahagikan kepada tiga bentuk:

i. Bentuk ajaran baru.

Ajaran bentuk ini biasanya lahir melalui ajaran-ajaran yang direka atau dicipta oleh guru atau pengajur ajaran sesat yang menggunakan berbagai-bagai nama seperti ajaran Ilmu Hakikat Jahar Dumin pada tahun 1995 di Selangor.

ii. Bentuk kepercayaan dan amalan tradisi.

Bentuk ini lazimnya diamalkan oleh orang yang dianggap wali, kepercayaan kepada dukun-dukun, pawang dan bomoh atau pembawa ilmu tertentu sama ada melalui menurun dan sebagainya.

iii. Bentuk tarekat.

Ajaran berbentuk tarekat ini lazimnya menggunakan nama-nama tarekat yang masyhur. Melalui bentuk ini guru-gurunya menggunakan bentuk amalan yang berbeza dengan yang asal atau ianya diubahsuai seperti Kumpulan yang menyebarkan ajaran Batiniah melalui tarekat.

Berdasarkan tiga bentuk tersebut, ajaran tarekat Batiniah merupakan satu bentuk ajaran sesat yang paling banyak disalah guna oleh para pembawa ajaran sesat melalui pengamalan tarekat dan tasawuf. Ia dikatakan bermula sejak awal kurun ke-20 dan semakin ketara diamalkan oleh masyarakat Islam sejak tahun 1960-an khususnya di negeri Kelantan, Terengganu, Selangor dan Johor. Teknologi moden masa kini yang begitu sarat dengan informasi menyebarkan pelbagai bentuk propaganda ajaran sesat di media sosial menjadi faktor berkembangnya isu ini dengan semakin meluas dan ia memerlukan perhatian dan pemantauan yang serius untuk dikawal.

Sekitar tahun 2019, seorang pendakwah yang bergerak aktif di bahagian utara tanah air didapati mempunyai pengikut seramai 72 ribu orang di media sosial yang dikenali sebagai Ustaz Wan Hizam bin Abdullah. Antara intisari ajarannya ialah berkenaan ‘makrifatullah’ iaitu satu bentuk fahaman tarekat yang membawa orientasi ketuhanan dan kewujudan Allah. Golongan seumpama ini mentafsirkan sebahagian ayat Al-Quran berdasarkan penilitian akal dan ilmu logika tanpa menyandarkannya kepada nas-nas syarak dan pandangan ulamak yang muktabar.

Dalam konteks Malaysia, ajaran tarekat Batiniah yang disampaikan kepada masyarakat adalah merupakan satu gerakan Batiniah yang bertopengkan nama sesuatu kumpulan tarekat. Terdapat antara mereka yang berkeyakinan bahawa setiap perkara selain Allah adalah tidak wujud. Mereka percaya bahawa Allah boleh menjelma dalam rupa bentuk makhluk dalam rupa bentuk wajah manusia, wajah guru-guru mereka, bentuk binatang, pokok, dan seumpama dengannya. Mereka mendakwa bahawa Allah bersatu dengan makhluk. Mereka memisahkan hakikat (akidah) dengan syariat sehingga membolehkan seseorang terlepas daripada berpegang kepada syariat Islam sehingga tidak perlu untuk melaksanakan solat.

Selain itu, mereka mendakwa Dajjal tidak wujud dan mereka meyakini bahawa Allah menciptakan manusia bukan untuk menyembahNya tetapi adalah kerana Allah merindukan mereka.

Antara individu terkenal yang berkait rapat dengan ajaran seumpama ini dikenali sebagai ‘Lepat’ atau nama sebenarnya ialah Ismail Ariffin. Individu ini sering muncul di media sosial dengan membawa satu ajaran yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah kerana menolak syariat (tidak perlu melakukan solat dan ibadah-ibadah lain) kerana merasakan dirinya sudah berada di tingkatan makrifat yang tinggi hampir dengan Allah. Masih ramai pengikutnya yang mengikuti pengajarannya di media sosial khususnya di laman ‘Facebook’ dan ‘Youtube’.

Pengaruh daripada ajaran-ajaran yang didakwanya dipelajari melalui tarekat sesat ini tanpa disedari telah meresapi ke dalam jiwa segelintir masyarakat Islam secara halus. Perkara ini menjadi bukti bahawa masyarakat Islam kini sedang berada di dalam keadaan akidah yang meragukan. Penggunaan media sosial tanpa sempadan ini sudah menjadi salah satu faktor utama berlakunya penyebaran ilmu-ilmu tarekat dan Batiniah yang menyesatkan dan didapati semakin sukar dibendung. Justeru, individu-individu yang terlibat dengan ajaran Batiniah seperti Ismail Ariffin (*Lepat*) dan seumpama mereka mestilah dicegah dan diambil tindakan segera dengan mewartakannya sebagai satu bentuk ajaran sesat di Malaysia sebagaimana yang dilakukan di mesyuarat jawatankuasa Fatwa negeri perlis ke 45 yang bertarikh 25 sehingga 26 Februari tahun 2020.

Sekiranya ajaran Batiniah ini diterima dan diamalkan oleh masyarakat, maka tidak akan ada lagi perbezaan antara tauhid dan syirik, malah syariat juga akan terbatal. Al-Quran akan ditafsirkan mereka mengikut hawa nafsu tanpa panduan syarak dan ajaran Islam, malah akan dipersenda oleh sesiapa sahaja dengan sewenang-wenangnya. Justeru, peranan membasmikan ajaran sesat terletak di atas setiap bahu umat Islam bersama, sama ada ia perlu dilaksanakan setiap individu melalui institusi agama, institusi pendidikan dan kerajaan.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

### *Penerapan nilai Iman*

Iman berkait rapat dengan kualiti seseorang insan. Ia merupakan asas bagi setiap perilaku dan tindakan manusia yang akan menghasilkan kesempurnaan bagi seseorang yang telah bersyahadah dengan keimanannya. Oleh kerana itu al-Quran tidak memisahkan antara iman dan amal seseorang itu sebagaimana berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 5,

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهُوهُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar.”

Melalui kefahaman yang teguh terhadap iman, tonggak kekuatan seseorang muslim akan menjadi utuh, berupaya melaksanakan titah perintah Allah, meninggalkan segala larangan

dengan cekal hati, mampu menghindari belenggu kejahilan dari sebarang penyelewengan. Melalui iman juga manusia akan terselamat daripada sebarang ancaman sama ada yang datang dari luar mahupun runtunan hawa nafsu yang muncul dari dalam diri. Mereka tidak akan mudah tunduk kepada sebarang ancaman tersebut kerana jiwa telah dibentengi oleh iman yang utuh. Beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya akan memberi ketenangan dan kebersihan hati serta fikiran. Ini akan melahirkan sifat taqwa yang mampu memandu seseorang menjalani kehidupan ini dengan menuruti jalan yang lurus, dapat mengawal daripada segala macam kelemahan kemungkar dan penyelewengan serta dapat mengeluarkan dirinya daripada segala perkara yang menyusahkan malah menyesatkan. Firman Allah SWT dalam surah at-Thalaq ayat ke 4,

وَمَنْ يُّقْرِئِ اللَّهَ مِنْ أَمْرِهِ يُبْسِرُ

Maksudnya: "...Dan barangsiapa yang bertaqwah kepada Allah, niscaya Allah menjadikan baginya kemudahan dalam urusannya."

### *Syariat sebagai tonggak kepada tarekat*

Ukuran keimanan seseorang insan diambil kira sama ada sesuatu ajaran, pemikiran, istiadat dan tindakan itu salah atau benar, sesat atau batin, sesuai atau bercanggah dengan Islam ialah sejauh mana ia bersesuaian atau serasi dengan Islam. Sejauh mana ia bertepatan dengan kehendak syariah atau berselari dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.

Lazimnya sesuatu ajaran sesat itu dikaitkan dengan ajaran tasawuf dan tarekat demi untuk menarik minat masyarakat Islam menyertainya. Jika diperhatikan secara teliti berdasarkan kajian lalu yang dilakukan terhadap beberapa ajaran sesat melalui jalan tarekat, maka ternyata ia dipengaruhi oleh ajaran berbentuk Batiniah yang jelas meruntuhkan Islam dan akidahnya, menggugurkan taklif dan syarak, menafikan Muhammad Rasulullah SAW. dan syariat, dan mendakwa kesempurnaan dirinya kerana adanya 'hakikat Muhammad yang batin' dalam dirinya. Bahkan terdapat juga yang menafikan ketuhanan Allah melalui idea bertuhankan diri sendiri dengan mengaku dirinya tuhan bertujuan untuk membebaskan diri dari larangan dan ikutan syarak supaya dapat mengamalkan kepuasan hawa nafsu terutama berhubung tentang seks dan wang.

Para ulamak sufi menegaskan bahawa jika melihat seseorang berjalan di atas air sedangkan dia melakukan larangan dan tegahan syarak, maka ketahuilah bahawa itu merupakan tipu daya syaitan. Jelasnya, kata-kata sebegini juga dibenarkan serta disepakati bersama oleh Imam al-Ghazali. Perkara yang sewajarnya dituntut bagi setiap mukmin ialah dengan berpegang teguh kepada syariat serta menjadikan tarekat itu adalah sebahagian daripada syariat. Beliau menegaskan bahawa syariat itu adalah asal, manakala tarekat adalah cabang baginya, hakikat pula adalah gabungan antara syariat dan tarekat.

### *Penerapan ilmu pengetahuan yang sebenar*

Mencari dan menuntut ilmu pengetahuan merupakan suruhan yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim. Seseorang yang jahil pasti tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan kerana kedua-duanya adalah ternyata berbeza. Bagi mengenal pasti mengenainya, seseorang itu mesti mempunyai ilmu dan penghayatan terhadap sesuatu

kebenaran. Di samping dapat mengenal pasti kebenaran, seseorang itu juga hendaklah mengetahui ciri-ciri kesesatan supaya tidak tergelincir ke dalamnya.

Bagi membezakan antara jalan yang benar dan sesat, seseorang itu hendaklah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan dan mengkaji mengenainya dengan rasa penuh keinsafan. Sesungguhnya Allah SWT. telah menyatakan bahawa Islam sebagai agama kebenaran, jalan yang lurus dan jalan yang boleh menyampaikan kepada keredhaan-Nya. Jalan ini mestilah dilalui oleh setiap hamba Allah yang ingin mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Allah juga menerangkan bahawa selain Islam, semua jalan lain adalah sesat dan bakal membawa kepada kecelakaan di dunia dan di akhirat.

Baginda Rasulullah SAW. telah mengajarkan umatnya satu doa supaya menetapkan hati dan pegangan terhadap ajaran Islam dan menjauhi diri dari kesesatan. Doa baginda Rasulullah berbunyi,

يَا مَلَكَ الْفُؤُوبِ تَبَّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكِ

”.Maksudnya:”wahai tuhanku tetapkanlah hatiku di atas agamamu dan ketaatan kepadamu

Berdasarkan hal ini, ilmu yang benar adalah sesuatu yang penting untuk diikuti dan ia pasti dapat mengelakkan diri daripada sebarang kekeliruan dan keraguan. Pengertian ilmu dalam konteks ini dijelaskan oleh Imam al-Ghazali, “*Ilmu yang sesungguhnya ialah tersingkapnya sesuatu yang jelas, sehingga tidak ada lagi ruang untuk ragu-ragu, tidak mungkin salah atau keliru; tidak ada tempat di hati untuk itu. Keimanan dari bahaya salah atau keliru harus diperkuat dengan keyakinan demikian rupa sehingga andai kata disangkal oleh seseorang yang mempunyai kesaktian, yang misalnya dapat merubah tongkat menjadi ular, namun demikian itu tidak akan menimbulkan ragu-ragu sedikitpun terhadap keyakinan itu. Apa yang diketahui, apabila tidak seyakin itu, maka yang demikian bukanlah ilmu yang patut menjadi pegangan dan tidak ada rasa aman di dalamnya. Dan setiap ilmu yang tidak memberi rasa aman bukanlah ilmu yang yakin. Kesimpulannya, ilmu yang benar adalah satu-satunya ilmu yang berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah. Maka berpegang teguhlah ia agar tidak terjerumus ke lembah kesesatan dan kejahilan.”*

### **Pendekatan undang-undang secara berhikmah**

Usaha untuk membasmi dan membanteras ajaran sesat memerlukan berbagai usaha yang berterusan oleh semua pihak. Dalam hal ini kerjasama amat diperlukan dari semua pihak termasuk orang awam, pihak berkuasa agama dan juga agensi persekutuan, kerajaan negeri dan ahli politik agar dapat sama-sama meletakkan agenda pembasmian ajaran sesat dalam masyarakat dijadikan sebagai agenda utama pada masa kini. Ini adalah kerana dalam agama Islam, konsep ‘amar ma’ruf nahi munkar’ menuntut sumbangan bersama dari semua pihak dan ia perlu dilihat secara menyeluruh. Perkara ini bukan hanya menjadi tugas pihak berkuasa semata-mata, malah setiap individu muslim perlui memaikan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut bagi menangani masalah ini demi hidup bermasyarakat. Sesuatu komuniti merupakan golongan pertama yang mampu menghidu atau mengetahui sama ada wujud sebarang aktiviti berkaitan sesuatu ajaran yang menyimpang dari Islam atau sebaliknya di kawasan kediaman mereka. Imam-imam masjid, surau, penghulu dan ketua masyarakat perlulah sentiasa peka dengan sebarang aduan dan pertanyaan yang dikemukakan oleh para penduduk kariah masing-masing. Hal yang paling penting iaitu aktiviti-aktiviti yang berkaitan ajaran sesat perlu disebarluaskan dengan meluas untuk maklumat awam. Ini kerana golongan yang kurang arif dengan agama akan mudah cenderung untuk menerima

amalan-amalan agama yang bersifat pintas, mudah dan sesuai dengan corak kehidupan mereka. Dari aspek pihak penguatkuasa agama pula, pemahaman berkaitan undang-undang risikan dan penyiasatan hendaklah diperkuuhkan. Pemahaman ini dapat membantu hala tuju dari aspek penyiasatan serta Langkah-langkah bagi menangani kes tersebut dengan lebih efisien dan seterusnya mampu mempercepatkan kes-kes penyelesaian yang bergerak perlahan dan lambat terhadap satu-satu kes ajaran sesat. Selain itu, kerjasama dengan pihak penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia dan sebagainya mampu memendekkan tempoh penyiasatan dan penyelesaian sesuatu kes ajaran sesat.

Sesuatu usaha bagi menjaga keharmonian akidah Islam merupakan tindakan yang perlu dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab dan bukan sekadar untuk memenuhi kehendak undang-undang semata-mata. Apa yang lebih penting ialah di dalam sesuatu undang-undang berkaitan ajaran sesat perlu ditekankan kaedah-kaedah yang lebih berhikmah serta boleh digunakan bagi memberi peluang kepada mereka yang telah tersesat untuk kembali ke pangkal jalan. Sesuatu hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah bukanlah suatu keutamaan, tetapi yang lebih penting ialah memastikan umat Islam tidak dipengaruhi oleh ajaran sesat tertentu dan mereka yang telah terlibat untuk segera bertaubat. Oleh itu para pegawai penguatkuasa agama seharusnya berusaha di dalam sesuatu tindakan hukuman agar diberi peluang kepada pengikut ajaran sesat untuk menyedari kesilapan mereka serta diberi peluang untuk bertaubat.

## PENUTUP

Melalui kertas konsep ini diharapkan ia dapat memberikan input dan manfaat kepada setiap individu Muslim dalam usaha menangani ajaran yang menyeleweng seumpama ini dari terus tersebar dalam masyarakat. Semoga seluruh masyarakat Muslim di Malaysia dipelihara oleh Allah SWT. daripada terpengaruh kepada sebarang bentuk ajaran tarekat yang menyimpang daripada pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abdul Hamid Ahmad. (2001). *Kenapa masih sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Hamid@Yusoff Yunus. (2006). Penjelasan terhadap 58 ciri ajaran sesat di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Anas Madani. (2013). Kenali & jauhi ajaran sesat di Malaysia. (atas talian) <https://abuanasmadani.com/kenali-jauhi-ajaran-sesat-di-malaysia/> (10 Jun 2023).
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1991). *Al-Qistas al-mustaqqim*. Muhammad Fikrtur Shalhat (pnyt.). Beirut: Dar al-Mashriq.
- e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2014). Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (atas talian) <http://www.e-fatwa.gov.my>. (10 Jun 2023).
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Ajaran sesat: Mengenali jalan yang terpesong*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Farahwahida Mohd Yusof. (2007). Aliran kepercayaan: Sejarah dan perkembangannya di Malaysia. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Farahwahida Mohd Yusof. (2011). Fatwa: Keberkesanannya memerangi ajaran sesat di Malaysia. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI). 2009. Khutbah petunjuk dan kesesatan. Jabatan Agama Islam Selangor, 20 Februari.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2005. Himpunan ajaran, amalan, dan fahaman yang telah difatwakan dan diwartakan menyeleweng dan sesat dalam negeri Selangor. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 2012. Khutbah berpegang kepada akidah ahli sunnah wal jamaah. Jabatan Agama Islam Selangor, 29 Jun.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2010. Penjelasan ciri- ciri utama ajaran sesat. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan. (Edisi ke-4). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke – 45 /2020. Bil 1/45 tahun 2020. Fatwa Ajaran Batiniah. (atas talian) <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/387-fatwa-ajaran-batiniah> (10 Jun 2023).
- Majalah Al-Ustaz. Isu No. 18. (2021). Berhati-hatilah dengan ajaran Tarekat Kebatinan. Telaga Biru Dan Malaysia Gazzete, 15 Disember. (atas talian) <https://alhaqcentremalaysia.com/?p=2550> (10 Jun 2023).
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2015. Ajaran sesat merungkai kekusutan dan kecelaruan. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Mohamad Nidzam Abdul Kadir. (2012). 40 ciri ajaran sesat. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Murtadza Ahmad. (2006). Persediaan untuk menangani ajaran menyeleweng/sesat. Bahagian Penyelidikan JHEAINS. (atas talian) <https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/persediaan-untuk-menangani-ajaran-menyeleweng-sesat/> (10 Jun 2023).
- Noor Naemah Abd.Rahim. (2002). Ruang ijtihad dalam amalan fatwa di Malaysia: Sorotan dari sudut pentadbiran fatwa. Jurnal Syariah, 10(2):19-30.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2008). Fatwa dan mufti: Hukum, etika dan sejarah. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.